

PDPR BAHASA MELAYU

KARANGAN PENDEK PT3

LATIHAN MENYALIN DAN MEMBACA CONTOH KARANGAN



OLEH : CIKGU KHAIRUL NIZAM OMAR

BAHAGIAN A – KARANGAN PENDEK (10 MARKAH)

Berdasarkan maklumat yang diberikan di bawah, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara 50 hingga 80 patah perkataan.



Pemakaian penutup hidung ketika negara masih berperang dengan pandemik Covid-19 merupakan suatu keperluan dalam kehidupan seharian. Namun, berapa ramai yang memakai penutup hidung dengan betul? Terdapat beberapa tip pemakaian pelitup hidung yang boleh diamalkan.

Pertama, elakkan memakai pelitup hidung di bawah dagu untuk mengelakkan tercemar dengan bakteria. Pelitup hidung juga tidak boleh dipakai melebihi 8 jam, dan boleh dipakai sekali sahaja. Tambahan lagi, pelitup hidung yang lembap perlu ditukar. Bagi menjaga kebersihan, pelitup hidung tidak boleh diletakkan di merata-rata. Perbuatan menyentuh pelitup hidung pada bahagian dalam dan luar juga perlu dielakkan di samping perkongsian pelitup hidung dengan orang lain dilarang sama sekali.

Semua tip pemakaian pelitup hidung ini perlulah diamalkan dan dibudayakan dalam kehidupan seharian sebagai langkah mencegah diri daripada dijangkiti wabak Covid-19.

PDPR BAHASA MELAYU

KARANGAN PENDEK PT3

LATIHAN MENYALIN DAN MEMBACA CONTOH KARANGAN



OLEH : CIKGU KHAIRUL NIZAM OMAR

SILA JAWAB SOALAN BERIKUT :

1. Apakah yang menjadi keperluan dalam hidup seharian?
2. Ada berapakah tip pemakaian penutup hidung?
3. Penutup hidung tidak boleh dipakai melebihi...
4. Perbuatan apakah yang perlu dielakkan ?
5. Perbuatan apakah yang dilarang sama sekali ?

